



KERAJAAN MALAYSIA IKLAN PRA KELAYAKAN KONTRAKTOR

1. Kerajaan Malaysia berhasrat mempelawa tender dari kontraktor-kontraktor yang layak melalui Pra Kelayakan untuk **Cadangan Naiktaraf Sistem Bekalan Elektrik daripada Low Voltage kepada High Tension dan Penggantian Main Switch Board Di Hospital Kajang, Selangor**

2. Keterangan Am Kerja

Lokasi tapak bina terletak di **sebahagian tapak di dalam Kawasan Hospital Kajang, Selangor**

Skop kerja bagi projek ini merangkumi **kerja-kerja naiktaraf bekalan elektrik dari voltan rendah sedia ada kepada sistem 11KV termasuk Genset, Transformer, Kerja-kerja pembinaan bangunan pencawang elektrik 11KV, bilik suis utama, dan pencegahan kebakaran mekanikal serta lain-lain kerja berkaitan.**

Kerja dijangka akan dimulakan dalam bulan **Ogos** tahun **2018** dan tempoh penyiapan adalah **24** bulan.

3. Syarat-syarat untuk Pra-Kelayakan

Permohonan Pra Kelayakan ini adalah dibuka kepada kontraktor-kontraktor yang menepati syarat-syarat berikut :-

i) Pendaftaran Kontraktor

- a) Jenis Syarikat – T1 (Syarikat tempatan yang 100% milik warganegara tempatan.
- b) Mempunyai pendaftaran seperti berikut :-
 - i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), **dan**
 - ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Gred G6 atau G7(Elektrikal), Kategori ME dan Pengkhususan E04 dan E05 **atau**;
 - iii) Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding Sarawak (UPKJ) dalam Kelas I, Kepala VII B dan Sub-Kepala Kepala 1(c), 3 (c), 4(c) dan 5 (c) **atau**;
 - iv) Pusat Pendaftaran Kontraktor-kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) dalam Kelas A di bawah Kepala VII dan Sub Kepala 3, 4 dan 10(b).

Kontraktor berdaftar yang telah digantung oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dari menyertai tender, **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Pra Kelayakan ini.

Setiap pendaftaran seperti di perenggan (i), (ii), (iii) dan (iv) di atas hendaklah masih berkuat kuasa sekurang-kurangnya melebihi 3 bulan dari tarikh tutup Pra Kelayakan.

ii) Keupayaan Kontraktor

(a) Keupayaan Kewangan

Mempunyai *Nett Worth* melebihi **RM 703,000.00** atau Modal Pusingan (*Working Capital*) melebihi **RM 351,500.00** atau Modal Mudah Cair melebihi **RM 210,900.00**

(b) Keupayaan Teknikal

- Telah melaksanakan projek pembinaan yang **serupa*** dengan Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja melebihi **RM 1,054,500.00** dalam sesuatu tahun bagi tempoh lima (5) tahun lepas. Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja adalah jumlah terkumpul nilai kerja projek-projek serupa yang telah dilaksanakan atau disiapkan dalam sesuatu tahun.
- Tidak mempunyai rekod prestasi kerja yang tidak memuaskan dalam tempoh lima (5) tahun lepas dari segi tempoh penyiapan dan mutu kerja.
- Tidak mempunyai kerja semasa yang 'sakit'
- Pemohon Pra-Kelayakan yang mempunyai pengalaman dalam melaksanakan kerja-kerja elektrik di Hospital / Fasilitas Kesihatan adalah diberi keutamaan.

***Serupa – Kerja yang diliputi oleh kategori yang sama seperti kerja yang ditender**

iii) Perunding Kontraktor

Kontraktor dikehendaki melantik perunding-perunding yang bertauliah dan merupakan perunding bebas (independent and not in-house consultants) seperti berikut :-

- (a) Berdaftar dengan Lembaga Profesional yang berkenaan.
- (b) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan.
- (c) Berpengalaman dalam merekabentuk dan menaiktaraf sistem bekalan elektrik voltan rendah kepada sistem 11KV di Hospital/Fasilitas Kesihatan adalah diberi keutamaan.
- (d) Perkhidmatan dan prestasi perunding yang baik.

4. Dokumen Pra Kelayakan boleh diperolehi di pejabat **Kaunter Tender dan Sebut Harga, Bahagian Perolehan dan Penswastaan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Putrajaya** dari **8 Mac 2018** hingga **23 Mac 2018** semasa waktu pejabat.

Dokumen Pra Kelayakan akan hanya dikeluarkan kepada wakil atau ejen kontraktor yang diberi kuasa sahaja. Wakil atau ejen dikehendaki mengemukakan bukti pendaftaran seperti di perenggan 3 (i) (b) dengan menunjukkan sijil/perakuan pendaftaran **ASAL**.

5. Harga dokumen ialah **RM50.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Sahaja)** senaskah dan hendaklah dibuat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang atau Draf Bank di atas nama **Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia** dan dipalang 'Akaun Pembayar Sahaja'. Yuran dokumentasi ini tidak akan dikembalikan.

6. Permohonan hendaklah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dengan dinyatakan nama projek dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di pejabat berikut :- **Kaunter Tender dan Sebut Harga, Bahagian Perolehan dan Penswastaan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Putrajaya** tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada **28 Mac 2018**.

